


Draf:

# PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (BENDA BERBAHAYA KEPADA ALAM SEKELILING) 202X

BAHAGIAN BAHAN BERBAHAYA, JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA



01 PENGENALAN

02 KERANGKA DRAF PERATURAN

03 KESIMPULAN

# SKOP PEMBENTANGAN

# 01 PENGENALAN



# PENGENALAN



Draf Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling) 202X (PPKAS) telah mula disediakan pada tahun 2015 dengan fokus utama terhadap kawalan bahan berbahaya kepada alam sekitar (Environmentally Hazardous Substances, EHS).

Peraturan ini dirangka untuk mengawal selia aktiviti **pengimportan, pengeksportan, dan pengilangan** bahan EHS Terjadual bagi memastikan pengurusan yang lebih sistematik serta mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar. Melalui peraturan ini, mekanisme kawal selia yang lebih ketat akan diperkenalkan, termasuk keperluan pendaftaran, inventori, serta pemantauan terhadap bahan-bahan yang diklasifikasikan sebagai berbahaya kepada alam sekitar di bawah senarai EHS Terjadual.

Penyediaan draf ini juga mengambil kira amalan terbaik antarabangsa serta perundangan sedia ada, bagi memastikan Malaysia dapat mencapai keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan perlindungan alam sekitar.



# PEMBENTUKAN DRAF PPKAS (EHS) 202X

## 2015

- Pembentukan draf pertama Peraturan EHS



## 2017

- Pembentangan pertama draf Peraturan EHS ke JK Semakan & Penggubalan Undang-Undang AKAS 1974
- Sesi libat urus bersama pemegang taruh industri dan Agensi Kerajaan

## 2020

- Sistem EHSNR telah dinaiktaraf kepada Sistem MyEHS serta penambahan fungsi baharu sistem.
- Pemakluman dan pendaftaran ke dalam sistem MyEHS adalah secara sukarela (voluntary)
- Sesi libat urus bersama pemegang taruh industri dan Agensi Kerajaan


## 2025

- Pengumpulan maklumat Risk Data Collection bagi menjalankan kajian analisa risiko bahan kimia berbahaya.
- Pembentangan kedua draf Peraturan EHS ke JK Semakan & Penggubalan Undang-Undang AKAS 1974.
- Semakan oleh PUU JAS.

## 2026


- Semakan oleh PUU NRES.
- Pengemaskinian Draft PPKAS(EHS).
- Bengkel pembentukan Garispanduan PPKAS(EHS).
- Pembentangan di Mesyuarat EQC.

# INVENTORI PREMIS INDUSTRI KIMIA DI DALAM SISTEM EKAS



PREMIS BEROPERASI

64,082



Industri Kimia  
1,600



Premis Tertakluk BT  
32,066



# JAWATAN KUASA TADBIR URUS BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEBANGSAAN

Pengurusan kimia berlaku secara 'piece meals' oleh pelbagai Agensi di Malaysia. Jawatankuasa Tadbir Urus Bahan Kimia Berbahaya Kebangsaan telah ditubuhkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES), di mana Menteri bertindak sebagai pengerusi jawatankuasa utama ini untuk menyelaras perkara berkaitan pengurusan kimia di Malaysia.




# 02 KERANGKA DRAF PERATURAN

# RANGKA KERJA PPKAS (EHS) 202x

PUNCA KUASA

DRAF PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (BENDA BERBAHAYA KEPADA ALAM SEKELILING) 202X  
Seksyen 51(1)(u), AKAS 1974


PEMAKAIAN



KAWALAN



PEMATUHAN



PREPARED BY:



EHS Section  
Hazardous Substances Division  
Department of Environment

**NOTE**

- EHS - Environmentally Hazardous Substances
- EQA 1974 - Environmental Quality Act 1974
- MyEHS - Malaysia Environmentally Hazardous Substances System



- Punca kuasa pembentukan Draf PPKAS (EHS)202x ini adalah merujuk kepada Seksyen 51(1)(u), AKAS 1974:

“51(1)(u) melarang atau mengawal pengilangan, penstoran, pengangkutan atau pemakaian, atau penggunaan, pengeluaran, pelepasan, peletakan ke dalam alam sekeliling apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling.”

- **OBJEKTIF:** Mengawal pengilangan, pengimportan dan pengkeskportan EHS Terjadual dan menetapkan tanggungjawab pengilang, pengimport dan pengeksport EHS.

# KERANGKA DRAF PERATURAN

# KERANGKA DRAF PERATURAN

## LATAR BELAKANG



- 01 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Benda Berbahaya kepada Alam Sekeliling) 202X dirangka untuk memenuhi keperluan negara dalam menguruskan bahan berbahaya kepada alam sekeliling. Peraturan ini bertujuan untuk menguatkuasa dan mengawal selia proses notifikasi serta inventori bagi aktiviti pengilangan, pengimportan, dan pengeksportan Bahan Berbahaya Kepada Alam Sekeliling yang tidak berada di bawah kawalan atau peraturan mana-mana agensi berkaitan dengan pengurusan bahan kimia di Malaysia. Namun demikian, peraturan ini tidak akan mengatasi kuasa atau tanggungjawab agensi tersebut.
- 02 Di bawah AKAS 1974, bahan berbahaya kepada alam sekeliling atau Environmentally Hazardous Substances (EHS) ditafsirkan sebagai:
  - ‘Benda berbahaya kepada alam sekeliling ertinya apa-apa benda semulajadi atau buatan, termasuklah apa-apa bahan mentah, samada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap, atau dalam campuran sekurang-kurangnya dua daripada bend aini atau apa-apa organisma hidup yang dicadangkan bagi apa-apa perlindungan, pemeliharaan dan aktiviti kawalan, yang boleh menyebabkan pencemaran.’
- 03 EHS yang akan dikawal di bawah peraturan ini akan dirujuk sebagai EHS Terjadual.
- 04 Peraturan ini akan menjadi salah satu daripada keperluan negara untuk meratifikasi Konvensyen Stockholm dan Konvensyen Minamata Mengenai Merkuri yang menjadi keutamaan Jabatan pada tahun 2026.



# KERANGKA DRAF PERATURAN

PERATURAN-PERATURAN KUALITI  
ALAM SEKELILING (BENDA  
BERBAHAYA KEPADA ALAM  
SEKELILING) 202x

Terdapat **LAPAN** bahagian utama di bawah Draf PPKAS (EHS) 202X yang akan menghuraikan peranan dan tanggungjawab setiap pemegang taruh yang terlibat dalam aktiviti pengimportan, pengeksportan, dan pengilangan EHS Terjadual, termasuk penghasilan EHS Terjadual secara tidak sengaja.

## BAHAGIAN I

- Nama dan permulaan kuat kuasa
- Tafsiran
- Pemakaian

## BAHAGIAN II

- Larangan memindahkan ke dalam atau ke luar Malaysia mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual, atau mengilang mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual di Malaysia

## BAHAGIAN III

- Kawalan memindahkan ke dalam atau ke luar Malaysia mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual
- Kewajipan untuk memberitahu
- Kebenaran memindahkan ke dalam atau ke luar Malaysia mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual.

## BAHAGIAN IV

- Kewajipan pengilang untuk memberitahu

## BAHAGIAN V

- Kewajipan untuk memberitahu dan mengemukakan pelan tindakan bagi penghasilan tidak sengaja

## BAHAGIAN VI

- Penyimpanan rekod Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual

## BAHAGIAN VII

- Pelaksanaan latihan

## BAHAGIAN VIII

- Maklumat palsu atau mengelirukan
- Penalti
- Pengkompaunan kesalahan



# PEMAKAIAN

“Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana bahan berbahaya kepada alam sekeliling, sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahan Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual, termasuk bahan-bahan lain yang mungkin dikenal pasti dari semasa ke semasa dengan cara yang akan ditentukan oleh Ketua Pengarah”.

**1**

Bermaksud EHS Terjadual di bawah peraturan ini telah dikategorikan mengikut cara kawalannya dibawah 3 Jadual utama.

**2**

Juga bermaksud bahan-bahan lain yang tidak tersenarai di bawah EHS Terjadual yang mendatangkan bahaya kepada alam sekitar dan kesihatan manusia, akan dikenal pasti dari masa ke semasa dengan cara yang akan ditentukan oleh Ketua Pengarah.

**3**

Tidak terpakai bagi EHS yang sudah dikawal di bawah kuasa agensi lain. Namun, jika sesuatu bahan kimia disenaraikan sebagai EHS dan pada masa yang sama turut dikawal oleh peraturan lain, bahan tersebut tetap tertakluk kepada peraturan ini tanpa menjejaskan kuasa penguatkuasaan di bawah peraturan lain berkenaan.



### Jadual Pertama

Benda Berbahaya Kepada  
Alam Sekeliling Terjadual yang  
**DILARANG**

### Jadual Kedua

Benda Berbahaya Kepada  
Alam Sekeliling Terjadual yang  
**DIKAWAL**

### Jadual Ketiga

Benda Berbahaya Kepada  
Alam Sekeliling Terjadual  
daripada **PENGHASILAN**  
**TIDAK SENGAJA**

# KAWALAN

# JADUAL PERTAMA

- Tiada seorang pun boleh memindahkan ke dalam atau ke luar Malaysia mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual, atau mengilang mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual di Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.
- Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dalam hal kesalahan yang berterusan, sejumlah wang yang tidak lebih satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan.



### Jadual Pertama

Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual yang **DILARANG**

### Jadual Kedua

Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual yang **DIKAWAL**

### Jadual Ketiga

Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual daripada **PENGHASILAN TIDAK SENGAJA**

# KAWALAN

## JADUAL KEDUA (Pengimport & Pengeksport)

- Mana-mana orang yang memindahkan ke dalam atau ke luar Malaysia mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah memberitahu kepada Ketua Pengarah maklumat mengenai Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual tersebut melalui kaedah yang ditentukan oleh Ketua Pengarah di dalam garis panduan.
- Jika Ketua Pengarah berpuas hati dengan maklumat yang dikemukakan, Ketua Pengarah boleh memberikan **kebenaran bertulis** bagi memindahkan ke dalam atau ke luar Malaysia mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual.
- Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan kebenaran yang diberikan, jika maklumat yang diberitahu tersebut adalah tidak tepat.



### Jadual Pertama

Benda Berbahaya Kepada  
Alam Sekeliling Terjadual yang  
**DILARANG**

### Jadual Kedua

Benda Berbahaya Kepada  
Alam Sekeliling Terjadual yang  
**DIKAWAL**

### Jadual Ketiga

Benda Berbahaya Kepada  
Alam Sekeliling Terjadual  
daripada **PENGHASILAN**  
**TIDAK SENGAJA**

# KAWALAN

## JADUAL KEDUA (Pengilang EHS)

- Mana-mana pengilang bagi mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah memberitahu kepada Ketua Pengarah maklumat mengenai Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual tersebut melalui kaedah yang ditentukan oleh Ketua Pengarah di dalam garis panduan.
- Pemberitahuan di bawah subperaturan ini hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum pengilangan mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual.



### Jadual Pertama

Benda Berbahaya Kepada  
Alam Sekeliling Terjadual yang  
**DILARANG**

### Jadual Kedua

Benda Berbahaya Kepada  
Alam Sekeliling Terjadual yang  
**DIKAWAL**

### Jadual Ketiga

Benda Berbahaya Kepada  
Alam Sekeliling Terjadual  
daripada **PENGHASILAN  
TIDAK SENGAJA**


# KAWALAN

## JADUAL KETIGA (Pengilang)

- Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam garis panduan dan secara tidak sengaja melepaskan atau menghasilkan mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga di Malaysia hendaklah memberitahu kepada Ketua Pengarah dan mengemukakan pelan tindakan bagi pengurangan atau penghapusan mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual melalui kaedah yang ditentukan oleh Ketua Pengarah di dalam garis panduan.
- Pemberitahuan dan pengemukakan pelan tindakan di bawah subperaturan ini hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah sebelum 31 Disember setiap tahun.


# PENYIMPANAN REKOD & INVENTORI

- Mana-mana orang yang memindahkan ke dalam atau ke luar Malaysia mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual di bawah peraturan 5, atau mengilang mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual di Malaysia di bawah Peraturan ini, atau mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam garis panduan dan secara tidak sengaja melepaskan atau menghasilkan mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual di bawah Peraturan ini, hendaklah menyimpan rekod pemberitahuan dan maklumat lain yang berkaitan yang dikemukakan di bawah Peraturan ini bagi tempoh tiga tahun dari tarikh pemberitahuan itu dibuat.
- Rekod yang disimpan di bawah Peraturan ini hendaklah disediakan untuk pemeriksaan oleh Ketua Pengarah pada bila-bila masa.



# PELAKSANAAN LATIHAN

- Mana-mana orang yang memindahkan ke dalam atau ke luar Malaysia mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual di bawah peraturan 5, atau mengilang mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual di Malaysia di bawah subperaturan 8(1), atau mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam garis panduan dan secara tidak sengaja melepaskan atau menghasilkan mana-mana Benda Berbahaya Kepada Alam Sekeliling Terjadual di bawah subperaturan 9(1), hendaklah memastikan bahawa semua pekerja yang terlibat dalam pengurusan dan pengendalian bahan tersebut menghadiri program latihan yang bersesuaian.



# PENALTI & KOMPAUN

- Mana-mana orang yang melanggar peraturan 4, peraturan 5, peraturan 6(1), subperaturan 8(1), subperaturan 9(1) atau peraturan 12 adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dalam hal kesalahan yang berterusan, sejumlah wang yang tidak lebih satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan.



- Kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini, kecuali kesalahan di bawah peraturan 4, peraturan 5, peraturan 6(1), subperaturan 8(1) subperaturan 9(1) atau peraturan 12 boleh dikompaun di bawah Seksyen 45 akta.

# KESIMPULAN

“Draf Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Benda Berbahaya kepada Alam Sekeliling) [PPKAS (EHS)] 202X digubal bagi memperkukuh pengurusan bahan berbahaya kepada alam sekeliling (EHS) di Malaysia melalui mekanisme notifikasi dan inventori yang sistematik. Peraturan ini akan mengawal selia aktiviti pengilangan, pengimportan dan pengeksportan EHS Terjadual yang tidak tertakluk di bawah kawal selia agensi lain yang berkaitan. Selain menyokong pengurusan bahan kimia secara bersepadu, peraturan ini turut menjadi salah satu keperluan negara dalam usaha meratifikasi **Konvensyen Stockholm dan Konvensyen Minamata Mengenai Merkuri**. Pelaksanaannya dijangka dapat meningkatkan tahap pematuhan industri, memperkukuh pengumpulan data inventori bahan kimia, serta menyokong perlindungan alam sekitar dan kesihatan awam secara mampan.

”

# A QUICK GUIDE TO MALAYSIA'S HAZARDOUS SUBSTANCE REGULATIONS




Prepared by: EHS Section, Hazardous Substances Division, DOE

## SCHEDULED EHS

### ENVIRONMENTAL QUALITY (ENVIRONMENTALLY HAZARDOUS SUBSTANCES) 202X

#### Lifecycle Regulation of Scheduled EHS

Scheduled Environmentally Hazardous Substances (EHS) under EQ(EHS) 202x are regulated across their entire lifecycle: from entry into the country to post-approval enforcement. Compliance obligations extend beyond import and export to include manufacturing, unintentional production, record-keeping, and monitoring.



#### FIRST SCHEDULE:

Prohibited substances. These substances cannot be imported, exported, or manufactured in Malaysia under any circumstances.

#### SECOND SCHEDULE:

Controlled substances  
Requires a "Written Approval" from the DOE before any import, export, or manufacturing.



#### THIRD SCHEDULE:

Unintentional production  
Requires notification and an Action Plan submission to the DOE after the production.




## THE COST OF NON-COMPLIANCE

### Common violations:



Failing to notify DOE

Submitting false information



Handling prohibited substances



#### Penalty:

Up to RM100,000 Fine & Imprisonment

Non-compliance can also lead to imprisonment for up to two years.



#### Compound Offer:

Up to 50% of the Maximum Fine

May be offered for non-compliance with certain subregulations



# TERIMA KASIH

BAHAGIAN BAHAN BERBAHAYA,  
JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA